

# Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Tekanan Persekitaran Sosial dalam Kalangan Orang Kena Pengawasan di Malaysia

Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon & Siti Mariam Mursidan

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600, Bangi, Selangor

Agensi AntiDadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, Jalan Maktab Perguruan Islam

43000 Kajang, Selangor

E-mail: ifauziah@ukm.edu.my; ezaz@ukm.edu.my; salina@ukm.edu.my; norul@ukm.edu.my; siti\_mariam@adk.gov.my

## Abstrak

Tekanan persekitaran sosial yang tidak terkawal berupaya mempengaruhi seseorang individu yang masih berada dalam tempoh pemulihan untuk terjebak semula dengan tingkah laku relaps. Kajian ini disediakan bertujuan untuk (1) mengenal pasti tahap tekanan persekitaran sosial dalam kalangan orang kena pengawasan (OKP) dan (2) untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP di Malaysia. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 380 orang bekas penagih dadah yang telah tamat menjalani program pemulihan di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan kini sedang menjalani tempoh pengawasan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian regresi pelbagai secara *stepwise*. Analisis kajian menunjukkan bahawa majoriti OKP yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap tekanan persekitaran sosial yang terkawal iaitu berada pada tahap rendah (48.9%) ke tahap yang sederhana (47.1%). Manakala analisis regresi yang dijalankan menunjukkan bahawa faktor keinginan semula terhadap dadah ( $\beta=.436$ ,  $p<.05$ ), konflik hubungan keluarga ( $\beta=.315$ ,  $p<.05$ ) dan gangguan emosi ( $\beta=.224$ ,  $p<.05$ ) merupakan faktor yang dikenalpasti menjadi menyumbang kepada tekanan persekitaran sosial dalam kalangan OKP. Hasil kajian memberi implikasi terhadap usaha kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan ke arah usaha mengurangkan kadar kecenderungan relaps dalam kalangan bekas penagih dadah yang telah menjalani rawatan dan pemulihan bagi mengekalkan kepulihan.

**Kata kunci:** tekanan, persekitaran sosial, orang kena pengawasan, penagih dadah, relaps